

**PM ajak rakyat bagi idea
Utusan Online
17 Julai, 2012
Oleh SAIFULIZAM MOHAMAD**

KUALA LUMPUR 16 Julai - Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak mengajak semua rakyat negara ini mengemukakan sebarang cadangan serta idea yang bernas bagi Bajet 2013.

Beliau berkata, sebagai Menteri Kewangan yang bertanggungjawab membentangkan Bajet 2013, adalah amat penting rakyat diberi peluang untuk turut sama berkongsi pandangan terutama cara terbaik meletakkan negara di hadapan sama ada dalam bidang sosial mahu pun ekonomi.

Beliau berkata, antara topik tumpuan yang boleh dibincangkan adalah kos sara hidup, keselamatan awam, harga hartanah, peranan belia dalam kreativiti dan juga isu-isu yang mempengaruhi kehidupan rakyat seharian.

Tahun ini kita akan menyediakan sebuah platform untuk memberi ruang dan peluang kepada rakyat Malaysia untuk berkongsi cadangan dan pendapat mereka mengenai Bajet 2013. Perbincangan ini akan berlangsung secara dalam talian (blog 1Malaysia) bermula hari ini hingga 29 Julai.

Platform ini juga merupakan peluang bagi semua rakyat Malaysia untuk mengemukakan idea dan input mereka bagi pertimbangan Kementerian Kewangan," katanya menerusi blog 1Malaysia di <http://1malaysia.com.my>, hari ini.

Najib berkata, pembentangan Bajet 2013 dijadualkan pada 28 September nanti.

Dalam perkembangan berkaitan, Perdana Menteri berkata, pada masa ini kurang daripada 10 peratus daripada rakyat Malaysia yang membayar cukai.

Oleh itu katanya, cabaran utama bagi kerajaan adalah untuk memperluas dan mengubah sumber pendapatan negara bagi memastikan defisit bajet dikekalkan pada paras boleh urus agar perbelanjaan tidak melebihi kemampuan.

Untuk mencapai matlamat ini, kita juga perlu memberi tumpuan terhadap rangsangan pelaburan dalam negeri serta menarik pelaburan asing melalui Program Transformasi Ekonomi (ETP).

Kita sudah membuat permulaan yang kukuh di mana Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) pada tahun lalu telah mengumpul sebanyak RM110 bilion hasil dan ini membolehkan kita membiayai perkhidmatan-perkhidmatan utama bagi kebajikan rakyat seperti Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M) dan baucar buku," katanya.

Justeru, beliau berkata, bagi mengekalkan momentum tersebut, kerajaan memerlukan sumbangan idea daripada semua rakyat Malaysia.

Saya ingin menjemput anda semua untuk turut serta dalam perbincangan Bajet 2013 ini. Anda boleh mulakan dengan klik di sini (melayari blog 1Malaysia).

Seperti tahun-tahun sebelum ini, saya amat berharap dapat menerima idea-idea baru yang bernas serta penyelesaian yang berpotensi daripada rakyat Malaysia," katanya.

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source: http://www.utusan.com.my/utusan/Dalam_Negeri/20120717/dn_01/PM-ajak-rakyat-bagi-idea